

Bahagian A

Jawab semua soalan.

3.1 Kekayaan Hasil Bumi di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan kekayaan hasil bumi di negara kita.

- Emas
- Bijih timah

Apakah negeri Melayu yang terlibat dengan penghasilan kekayaan tersebut?

- A Kedah dan Kelantan
- B Kelantan dan Pahang
- C Pahang dan Selangor
- D Selangor dan Johor

Buku Teks m.s. 58

- 2 Gambar berikut merujuk kepada penggunaan kaedah melampas yang dilakukan oleh orang Melayu dalam aktiviti perlombongan.



Apakah aktiviti yang menggunakan kaedah tersebut?

- A Emas
- B Bijih besi
- C Bijih timah
- D Arang batu

Buku Teks m.s. 58

- 3 Perak ialah pelabuhan utama yang menghasilkan bijih timah.

Apakah pedagang yang sering datang untuk memperoleh hasil tersebut?

- A Siam
- B China
- C British
- D Portugis

Buku Teks m.s. 59

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan Kota Belanda.

Kota Belanda di Pulau Pangkor, Perak dibina pada tahun 1670

Mengapakah kota tersebut dibina?

- A Kubu pertahanan
- B Pusat pentadbiran
- C Petempatan Belanda
- D Gedung menyimpan bijih timah

Buku Teks m.s. 59

- 5 Pada tahun 1616, aktiviti perlombongan bijih timah mula dilakukan di Perak. Apakah kawasan yang terlibat dengan aktiviti tersebut?

- I Larut
- II Kurau
- III Beruas
- IV Manjung
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks m.s. 59

- 6 Perak menggunakan bijih timah sebagai bahan bernilai untuk mendapatkan perlindungan Portugis di Melaka. Mengapakah kerajaan tersebut berbuat sedemikian?

- A Membebaskan daripada naungan Aceh
- B Membanteras aktiviti penyeludupan
- C Memperoleh kontrak perdagangan
- D Mengakhiri perbalahan antara kumpulan pelombong

Buku Teks m.s. 59

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan aktiviti perlombongan di Perak.

Pengeluaran bijih timah Perak mengalami kemerosotan

Mengapakah hal tersebut berlaku?

- A Aktiviti pelanunan
- B Aktiviti penyeludupan
- C Persaingan dengan negara lain
- D Penggunaan peralatan tradisional

Buku Teks m.s. 59

- 8 Jadual berikut berkaitan dengan tindakan yang telah diambil oleh pemerintah Selangor.

Tahun	Peristiwa
1790	Menandatangani perjanjian penjualan bijih timah dengan kuasa X

Apakah kuasa X tersebut?

- A Siam
- B Aceh
- C British
- D Belanda

Buku Teks m.s. 59

- 9 Apakah faktor yang membawa kepada kewujudan bandar berikut?

Bandar Gopeng

- A Penanaman getah
- B Penemuan tembaga
- C Penanaman kelapa sawit
- D Perlombongan bijih timah

Buku Teks m.s. 60

- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan perlombongan bijih timah di Kuala Lumpur.

Kuala Sungai merupakan pertemuan di antara Sungai Klang dan Sungai Lumpur

Apakah kepentingan kawasan tersebut?

- A Menjadi pangkalan untuk mengangkut bijih timah
- B Mendirikan petempatan perlombongan
- C Merupakan kawasan kutipan cukai
- D Memperdagangkan bijih timah kepada pedagang luar

Buku Teks m.s. 61

- 11 Tokoh yang memainkan peranan utama dalam memajukan aktiviti perlombongan di kawasan Lukut ialah

- A Raja Busu
- B Raja Mahadi
- C Raja Jumaat
- D Raja Abdullah

Buku Teks m.s. 61

- 12 Gelaran berikut diberikan oleh ahli Geografi luar kepada negara kita.

Golden Khersonese

Apakah negara asal ahli geografi tersebut?

- A Arab
- B Yunani
- C Belanda
- D Sepanyol

Buku Teks m.s. 62

- 13 Terdapat catatan yang menyatakan bahawa emas merupakan bahan eksport Pahang sejak abad ke-13.

Apakah catatan tersebut?

- A Catatan Siam
- B Catatan India
- C Catatan China
- D Catatan Portugis

Buku Teks m.s. 62

- 14 Jadual berikut berkaitan dengan aktiviti ekonomi yang berlaku di Pahang.

Masa	Aktiviti
Abad ke-16 dan ke-17	Melakukan aktiviti melombong emas

Masyarakat yang manakah telah menjalankan aktiviti di atas ketika itu?

- I Orang Asli
- II Orang Bugis
- III Orang Aceh
- IV Orang Minangkabau
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks m.s. 63

- 15 Lokasi berikut terletak di Pahang.

Raub

Apakah maksud istilah "Raub" dalam bahasa Melayu?

- A Emas
- B Kaedah
- C Kumpul
- D Genggam

Buku Teks m.s. 63

3.2 Peluasan Kuasa British di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang

- 16 Peristiwa Perang Larut memberikan peluang kepada Gabenor Negeri-negeri Selat untuk campur tangan dalam hal ehwal Perak. Siapakah Gabenor tersebut?
- A Harry Ord
 - B Francis Light
 - C John Crawford
 - D Andrew Clarke

Buku Teks m.s. 64

Soalan 17 dan 18 berdasarkan pernyataan berikut.

Selepas tamatnya Perang Larut, nama Klian Pauh telah ditukarkan kepada nama yang lain

- 17 Apakah nama baharu yang dipilih?
- A Ipoh
 - B Taiping
 - C Klian Baru
 - D Kuala Kangsar

Buku Teks m.s. 64

- 18 Apakah maksud nama baharu tersebut?
- A Keamanan sejagat
 - B Kedamaian yang abadi
 - C Kekukuhan perdamaian
 - D Kepentingan keamanan

Buku Teks m.s. 64

- 19 Apakah faktor yang mempengaruhi tokoh berikut menuntut haknya sebagai Sultan Perak?

Raja Abdullah

- I Pelantikan Residen British
 - II Perlucutan jawatan
 - III Masalah kewangan
 - IV Desakan pelabur
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Buku Teks m.s. 65

- 20 Mengikut sistem penggiliran dalam pewarisan takhta Kesultanan Perak, bakal raja perlu melalui tiga jawatan sebelum berhak ditabalkan sebagai Sultan. Apakah antara jawatan tersebut?

- I Putera Mahkota
 - II Raja Di Hilir
 - III Raja Bendahara
 - IV Raja Kecil Bongsu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Buku Teks m.s. 65

- 21 Apakah kepentingan lokasi berikut kepada masyarakat tempatan di negara kita sebelum kedatangan kuasa Barat?

Sungai Linggi

- A Kawasan bekalan air
- B Kawasan rempah-ratus
- C Kawasan kutipan cukai
- D Kawasan pelabuhan utama

Buku Teks m.s. 67

- 22 Tokoh berikut pernah dilantik sebagai pembesar di Negeri Sembilan.

Dato' Kelana Syed Abdul Rahman

Apakah kawasan pentadbiran beliau?

- A Johol
- B Terachi
- C Sungai Lukut
- D Sungai Ujong

Buku Teks m.s. 67

- 23 Apakah peristiwa yang membawa kepada kejayaan British untuk menguasai Pahang?
- A Serangan terhadap rumah api
 - B Rompakan terhadap kapal dagang
 - C Kematian Goh Hui di perkarangan istana
 - D Perebutan kawasan antara Ghee Hin dengan Hai San

Buku Teks m.s. 69

- 24 Perjanjian British-Selangor telah ditandatangani pada tahun 1875.

Apakah syarat perjanjian tersebut?

- I British membantu Sultan memerintah negeri
 - II British mengiktiraf pelantikan Sultan
 - III British berkuasa penuh dalam pungutan cukai
 - IV British menghantar Frank Swettenham membantu menjalankan pentadbiran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Buku Teks m.s. 71

3.3 Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu

- 25 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah yang telah diambil oleh British.

Menubuhkan Persekutuan 1896

Apakah nama lain bagi Persekutuan tersebut?

- A Negeri-negeri Selat
- B Negeri Jajahan Mahkota British
- C Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- D Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

Buku Teks m.s. 74

- 26 Jata negeri berikut pernah digunakan di negeri-negeri Melayu.



Antara yang berikut, apakah negeri-negeri yang terlibat?

- I Pahang
- II Selangor
- III Kelantan
- IV Terengganu
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks m.s. 74

- 27 Jadual berikut berkaitan dengan tindakan yang telah dilakukan oleh pentadbiran British.

Tahun	Tindakan
1894-1897	Membina Bangunan Sultan Abdul Samad

Apakah tujuan pembinaan bangunan tersebut?

- A Pusat pertahanan Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- B Pejabat kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- C Pusat perdagangan British
- D Pusat petempatan pegawai tinggi British

Buku Teks m.s. 74

3.4 Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu

- 28 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di negara kita.

Menubuhkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu

Apakah kesan daripada tindakan tersebut?

- A Menamatkan kuasa Gabenor British
- B Mengukuhkan kuasa Raja-raja Melayu
- C Menghakiskan kuasa Raja-raja Melayu
- D Mencepatkan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

Buku Teks m.s. 76

- 29 Gambar berikut berkaitan dengan Durbar pertama yang telah diadakan di Kuala Kangsar pada tahun 1897.



Sumber: Arkib Negara Malaysia
No. Penerimaan: 2001/0026690W

British menubuhkan Durbar bertujuan untuk mendapatkan sokongan Raja-raja Melayu terhadap

- A Negeri-negeri Selat
- B Majlis Mesyuarat Persekutuan
- C Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- D Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

Buku Teks m.s. 77

- 30 Antara yang berikut, yang manakah merupakan pihak yang dilantik sebagai ahli Durbar?

- I Residen British
- II Residen Jeneral
- III Residen Konsular
- IV Residen Wilayah
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks m.s. 77